

Reit KPJ terima anugerah IFN

AMANAH pelaburan hartanah Al-'Aqar KPJ Reit, Reit penjagaan kesihatan Islam pertama Malaysia yang diterbitkan KPJ Healthcare Bhd menggondol anugerah I-Reit Deal of the Year 2006 Islamic Finance News (IFN).

Ketua Pegawai Eksekutif Johor Corporation (JCorp), Tan Sri Muhammad Ali Hashim, yang menerima anugerah di satu majlis di Dubai, baru-baru ini, berkata kemenangan itu satu kejutan yang tidak disangka.

"Kami tidak menjangkakan perkara ini apabila kami mula menyusun Reit ini tetapi anugerah ini akan memantapkan lagi misi kami membangunkan skim ini, terutama untuk menjalankan perniagaan kami dengan berlandaskan prinsip syariah," katanya.

Muhammad Ali, yang juga Pengerusi Al-'Aqar KPJ Reit, berkata kumpulan JCorp termasuk KPJ Healthcare, cabang kesihatan JCorp akan lebih menumpukan kepada skim kewangan Islam.

Beliau berkata, anugerah itu satu pengiktirafan yang dialu-alukan, terutama kerana pihaknya adalah satu-satunya syarikat Malaysia yang diberi penghormatan dan mewakili Malaysia di Dubai.

Anugerah IFN memberi pengiktirafan kepada mereka yang terbaik dalam industri kewangan Islam iaitu para pemenang dipilih pelanggan IFN berdasarkan kepada kecemerlangan prestasi dalam industri.

IFN adalah penerbitan utama dalam industri dengan tumpuan kepada pasaran modal yang menyediakan liputan berita mengenai pasaran Islam global. —
Bernama